

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI [BATU PAHAT]**

**TARIKH : 31 MAC 2015 (SELASA)**

**DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI [BATU PAHAT]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan langkah-langkah Kerajaan menunjukkan kesungguhan usaha menurunkan harga barang-barang terhadap pemegang-pemegang monopoli gula, beras, elektrik, Astro dan tol.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Monopoli ataupun kedudukan dominan sesuatu perusahaan dalam mana-mana pasaran bagi barang atau perkhidmatan adalah tidak dilarang. Akan tetapi, kedudukan dominan yang dimiliki ini tidak boleh disalahguna seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 10, Akta Persaingan 2010. Beberapa contoh penyalahgunaan adalah pembatasan pengeluaran atau pelaburan, keengganan membekalkan sesuatu barang atau perkhidmatan tanpa sebarang justifikasi komersial dan pengikatan kontrak dengan syarat yang tidak munasabah.

Kerajaan mengambil berat isu kenaikan harga yang mempunyai impak ke atas rakyat. Dalam isu tarif elektrik, baru-baru ini Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah menurunkan harga tarif sejajar dengan langkah Kerajaan menurunkan kos sara hidup rakyat. Buat pengetahuan YB, TNB dikawalselia oleh Suruhanjaya Tenaga melalui Akta Suruhanjaya Tenaga 2001;

Berkenaan dengan beras dan gula, kedua-duanya adalah barang keperluan asas yang dikawal oleh Kerajaan untuk memastikan bekalannya sentiasa cukup. Kerajaan dalam memastikan harga beras yang munasabah telah menyalurkan subsidi kepada beras ST15 supaya rakyat tidak terkesan dengan peningkatan kos sara hidup yang meningkat. Bagi gula pula, baru-baru ini Kerajaan pula telah menetapkan harga gula tidak lebih dari RM2.84 sekilogram dan Kerajaan menggalakkan para peniaga menjualnya pada harga yang lebih rendah dari itu.

Harga tol pula adalah tertakluk kepada perjanjian konsesi yang telah dimasuki oleh Kerajaan dengan pemegang konsesi lebuh raya yang berkaitan. Walau bagaimanapun, dengan usaha Kerajaan, syarikat-syarikat ini telah menawarkan diskon ke atas caj tol pada musim-musim perayaan.